

Perjuangan sebenar graduan bermula selepas tamat pengajian

Foto: ASRIL ASWADI

SHAH ALAM - Penuntut institut pengajian seharusnya menghargai usaha ibu bapa dan guru masing-masing memantu memberikan pendidikan terbaik kepada mereka.

Pengarah Urusan Kumpulan Media Karangkraf, Datuk Dr Hussamuddin Yaacob berkata, restububapadang guru amat penting kerana ia membawa keberkatan hidup sekali gus mencorak identiti dan jati diri.

"Selepas selesai majlis (konvoesyen), boleh keluar daripada dewan dan cari ibu bapa masing-masing. Kita sebagai pelajar, kena minta maaf banyak-banyak dan berterima kasih kepada mereka yang banyak membantu dan memberikan peluang kepada kita untuk belajar selama ini.



Hussamuddin menyampaikan ijazah, diploma, diploma lanjutan dan sijil kepada graduan Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.

"Kemudian jumpa guru dan pen- syarah masing-masing minta mereka halalkan ilmu yang mereka berikan apa yang kita pelajari selama ini," katanya yang ak-

tika merasmikan Majlis Konvoesyen Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah kalik-19, semalam.

Pada majlis itu, 994 graduan menerima ijazah, diploma, diploma lanjut dan sijil masing-masing.

Hussamuddin berkata, perjuangan sebenarnya orang itu dalam mempu- kehidupan akan bermula selepas ber- akhirnya sesi pengajian di institusi pe- ngajian masing-masing.

"Majikan masakini tidak hanya me- mandang graduan berdasarkan pen- capaian semata-mata, tetapi apa yang merekacari dalam diri calon pekerja ada-

lah sikap calon itu sendiri, kemampuan mengatasi masalah dan kreativiti kita sendiri," katanya.

Sementara itu dalam ucapannya, Pengarah Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Tajuddin Abdul Rashid berkata, seramai 994 gradu- an akan memulakan perjalanan me- reka meneroka alam pekerjaan apa- bila berjaya menamatkan pengajian di Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.

"Graduan terdiri daripada 225 graduan daripada Jabatan Kejuruteraan Awam, 243 graduan daripada Jabatan Kejuruteraan Elektrik, 185 graduan da- ripada jabatan Kejuruteraan Mekanikal, dan 311 graduan daripada Jabatan Perdagangan," katanya.